



SIRI AL-BAYANUL MUBIN
SYARAH RIYADUS SOLIHIN



Pesan-Pesan IMAN

شرح حديث رياض الصالحين

31
A

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada **PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD**

.....

**© PESAN-PESAN IMAN
SYARAH HADIS RIYADUS
SOLIHIN**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, 2023

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-2739-25-8

Muka Taip Teks: Century Gothic
Saiz Muka Taip: 11

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
No. 9108, Jalan Kerdas 1,
53100 Gombak, Kuala Lumpur
011-20907008
pustakapermataummah@gmail.com

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.
26-28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor
03-8940 5595



SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi
Tuan Mohd Syahir Che Sulaiman
Tuan Mohd Adram Musa

PENASIHAT

Abdul Malik Ab Razak

PENGURUS OPERASI

Muhammad Afiq Awang Bakar

PENGURUS PENTADBIRAN

Siti Nurul Afiqah Sazali

KETUA PENERBITAN

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN PENERBITAN

Maziah Hasan
Muhaimin Safaruddin
Aqilah Azahari

JABATAN ARKIB & PENYELIDIKAN

Tasneem Zainol

JABATAN PEMASARAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

**JABATAN JUALAN & HUBUNGAN
PELANGGAN**

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salahir

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM

Wan Nurhafizah Izni Wan Ibrahim



SIRI AL-BAYANUL MUBIN
SYARAH RIYADUS SOLIHIN



Pesan-Pesan IMAN

شرح حديث رياض الصالحين

PUSTAKA PERDANA



1013308

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT	VI
MUQADDIMAH	I
BAHAGIAN 1: BENAR	5
Memaknai Hakikat Benar	6
Benar Membawa Ke Syurga	11
Benar Adalah Tenang	17
Benar Dalam Percakapan	21
Benar Dalam Permohonan	27
Benar Dalam Kemahuan	32
Benar Dalam Jual Beli	45
BAHAGIAN 2: MURAOABAH	49
Memaknai Hakikat Muraqabah	50
Beribadat Seolah-Olah Kamu Melihat Allah	55
Sentiasa Merasai Pengawasan Allah	69
Jagalah Perintah Allah Di Mana Sahaja	81
Jangan Memandang Remeh Soal Dosa	93
Jangan biarkan Allah Cemburu	96
Wajib Mensyukuri Ni'mat Allah	98



Muhasabah Dan Beramal Sebelum Mati	106
Meninggalkan Perkara Yang Sia-Sia	110
Mendidik Keluarga Mentaati Perintah Allah	112
BAHAGIAN 3: TAQWA	117
Memaknai Hakikat Taqwa	118
Mulia Dengan Taqwa	126
Takutlah Akan Fitnah Dunia Dan Wanita	131
Doa Taqwa	138
Pilihlah Yang Lebih Bertaqwa	143
Wasiat Taqwa	152
PENUTUP	156



KATA PENERBIT

Segala puji dan puja hanya selayaknya bagi Allah 'Azza wa Jalla, Tuhan Pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang mulia, juga ke atas ahli keluarga Baginda, para sahabat, serta sesiapa sahaja yang mengikuti jejak langkah Baginda hingga hari perhitungan.

Alhamdulillah, sekali lagi kami daripada Pustaka Permata Ummah (PPU) berhasil menerbitkan siri seterusnya hasil karya Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang. Naskhah ini merupakan huraian oleh penulis dalam sesi Kuliah Dhuha Jumaat di Masjid Rusila, Marang berpandukan kitab *Riyadus Solihin* susunan al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi RH.

Rakaman kuliah Tuan Guru itu kemudian disalin sebagai bahan arkib dan transkripsi. Seterusnya, bahan tersebut melalui proses suntingan secara berperingkat, termasuklah semakan syariah dan semakan bahasa.

Akhir sekali, semakan akhir disempurnakan oleh Tuan Guru sendiri dengan penambahan kandungan huraian dan isi penting bagi meningkatkan nilai ilmu dalam memahami hadis-hadis yang telah diterangkan. Insya-Allah, semua pembaca akan meni'mati pencerahan daripada hadis dengan mudah dan tuntas.

Jika sebelum ini, kami selaku penerbit telah menerbitkan karya Pesan-pesan Sabar, Pesan-pesan Ikhlas, dan Pesan-pesan Taubat, maka naskhah kali ini pula merupakan huraian berkisar hadis-hadis berkenaan benar (*al-sidq*), muraqabah, dan taqwa. Huraian yang dijelaskan adalah secara santai dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh seluruh



lapisan masyarakat sebagai panduan dalam memahami kalam dan bicara Rasulullah SAW.

Di samping itu, kami juga berusaha menambah baik persembahan buku dengan mengeluarkan pengajaran atau kefahaman asas (fiqh al-hadith) daripada setiap hadis yang telah dihuraikan. Kami merujuk kepada beberapa karya ulama' seperti *Nuzhah al-Muttaqin* dan *Bahjah al-Nazirin*.

Lebih menarik lagi, huraian bagi setiap hadis turut diselitkan dengan kisah-kisah tertentu dan pedoman dalam berakhlak mulia. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

"Sesungguhnya, aku diutus untuk menyempurnakan kebaikan akhlak."

Riwayat Ahmad, no. 8952

Justeru, melalui siri tulisan al-Bayanul Mubin Syarah Riyadus Solihin kali ini, kami menghidangkan huraian hadis daripada bab benar, muraqabah, dan taqwa. Tiga sifat ini sangat berkait rapat antara satu sama lain bagi membentuk diri kita sebagai seorang hamba sejati yang amat mengharapkan belas rahmat-Nya.


Mudah-mudahan, karya kali ini memberikan kefahaman yang jelas dalam membina keperibadian sebagai seorang Muslim yang sebenar. Seterusnya, mendekatkan lagi para pembaca dengan kalam nabawi dan menjadikan kita lebih cinta kepada Rasulullah SAW sebagai qudwah.

Selamat membaca!

Pustaka Permata Ummah

Seseorang yang melazimkan dirinya dengan sifat benar, maka Allah SWT akan memberikan hidayah kepada perkara-perkara yang baik.

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG





MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي أرسل رسوله بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله وكفى بالله شهيدا. والصلاة والسلام على حبيبنا وشفيعنا وقدوتنا محمد الرحمة المهدي والنعمة المسدي، وعلى آله وصحبه ومن تبعه ونصره ومن والاه. أما بعد:

Sewaktu meneruskan Kuliah Dhuha pada setiap hari Jumaat di Masjid Rusila, Marang, saya telah memilih untuk mengajar kitab Riyadus Solihin karangan Imam al-Nawawi RH.

Kebetulan kitab ini merupakan salah satu kitab warisan ayah saya yang sudah lama dicetak. Kemudian, saya dihadihkan senaskhah kitab lagi oleh Syeikh 'Umar Taha RH, kawan ayah saya dan seorang ulama' di Makkah yang pernah menjadi kadi di Kemaman, Terengganu sekitar tahun 1940-an. Ketika itu, beliau membawa kitab Riyadus Solihin untuk dihadihkan kepada saya.

Selain itu, saya sekali lagi dihadihkan kitab dengan judul yang sama oleh Syeikh Muhammad 'Ali al-Sabuni RH, seorang ulama' Syria yang terkenal. Kitab itu dihadihkan kepada saya ketika beliau datang berkunjung ke Pejabat Agung PAS, bersama beberapa kitab hadis lain yang terkandung dalamnya syarah dan ta'liq (komentar) beliau yang sangat saya hargai. Beliau sendiri menulis dan mencatat pada halaman kitab yang dihadihkan, ia menjadi satu hadiah yang sangat bermakna.

Saya memilih kitab ini untuk dijadikan bahan kuliah hadis bersempena ketokohan pengarang kitab, iaitu Imam al-Nawawi RH yang merupakan seorang ulama' mu'tabar yang diterima oleh semua ulama'. Penerimaan terhadap kitab beliau tidak mengira sama ada ulama' salaf mahupun khalaf yang merangkumi semua mazhab; baik mazhab aqidah, mazhab fiqh, hatta mazhab tasawuf.

Imam al-Nawawi RH meninggal dunia pada usia yang sangat muda, sekitar umur 40-an. Beliau telah menulis kitab yang sangat banyak dan penuh keberkatan. Beliau bukan sahaja seorang ahli dalam ilmu-ilmu yang ditulis, malah pada masa yang sama, beliau beramal dan berjuang dengan ilmu yang ada pada dirinya. Sikap beliau berani menyuruh kepada perkara ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

Kitab Riyadus Solihin ialah sebuah kitab yang sangat berkat dan ilmu yang terkandung dalamnya juga sangat berkat, ditulis oleh seorang ulama' yang meninggalkan keberkatan kepada umat Islam. Seinggakan, para ulama' Asya'irah, Maturidiyyah, Wahhabi, dan Salafi mengiktiraf keilmuan Imam al-Nawawi RH.

Ini suatu perkara yang sangat menarik kerana karya beliau dibaca oleh semua aliran ulama'. Ulama' yang berselisihan pendapat membaca kitab Imam al-Nawawi RH, sama ada kitab fiqh mahupun kitab hadis yang dikarang khusus oleh beliau iaitu Riyadus Solihin.

Kitab Riyadus Solihin mengumpulkan hadis-hadis yang berkaitan dengan akhlak atau moral dan segala aspek yang lain. Riyadus Solihin bererti 'Kebun-kebun bagi Orang-orang yang Soleh.'

Sekiranya hendak dicatatkan semua perkara pasti kesuntukan masa, maka rakan penerbit iaitu Pustaka Permata Ummah menaqqalkan apa yang telah disebutkan dalam kuliah yang dirakam dalam kaset atau video. Kemudian, bahan tersebut ditulis semula dan disemak oleh saya dengan



pembetulan ayat-ayat, daripada ayat percakapan menjadi tulisan untuk dimanfaatkan oleh seluruh lapisan umat Islam.

Hadis berfungsi mentafsirkan al-Quran al-Karim dan mentafsirkan hadis-hadis yang lain, dengan keseluruhan hadis dalam kitab Riyadus Solihin merupakan hadis yang sahih atau hasan, yakni hadis yang boleh dijadikan hujah. Jika terdapat hadis-hadis daif yang mendukungnya, ia termasuk dalam kategori targhib dan tarhib, menggalakkan untuk beramal. Ia dibenarkan oleh para ulama'.

Tiada hadis yang palsu dimuatkan. Jika hadis yang lemah, hanya lemah dari segi perawinya sahaja, bukan hadis tersebut. Walaupun terdapat hadis daif, ia disokong dengan hadis lain, maka hadis itu menjadi kuat dan sampingan.

Besar harapan saya agar hasil yang diterbitkan ini akan memberikan manfaat kepada para pembaca, termasuk mereka yang menyampaikan kuliah dan mendengar supaya menjadi ilmu yang memberikan manfaat.

Moga ilmu yang terkandung dalam karya kali ini dimanfaatkan oleh semua pihak untuk menjadi bekalan sebagai makanan roh dan akal. Agar kemudiannya, ia mengarahkan jasad untuk mengerjakan amal soleh yang menjadi bekalan di dunia hingga akhirat yang kekal abadi.

Mudah-mudahan, usaha ini diterima oleh Allah SWT dan mendapat ganjaran pahala buat diri saya, ibu bapa saya yang telah meninggal dunia, dan rakan-rakan yang berkhidmat untuk menyempurnakan usaha yang murni ini. Saya berharap agar semua dikurniakan keikhlasan oleh Allah SWT.

Al-Faqir ila Allah,

ABDUL HADI AWANG

Masjid Rusila,

Marang, Terengganu Darul Iman.

“ Orang yang bijak, dia berkira bukan sahaja untuk hidup, malah dia juga akan berkira dalam perkara selepas meninggal dunia, kerana alam selepas mati di dalam kubur adalah lebih panjang daripada alam kehidupan di atas dunia. ”

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



1

BENAR



MEMAKNAI HAKIKAT BENAR

Bab ini berbicara mengenai *al-sidq* (benar). Benar bermaksud sesuatu itu betul pada hakikatnya dengan keadaan yang bersungguh-sungguh, maka itulah yang membawa maksud benar. Terletaknya benar ini pada niat, seperti niat yang benar untuk beribadat kepada Allah SWT.

Maka, bersungguh-sungguhlah berniat kerana Allah SWT. Jangan sekali-kali mencampuradukkan niat kerana yang lain, dan mestilah niatnya adalah semata-mata kerana Allah SWT. Jika berbuat baik kerana seseorang, niatlah bersungguh-sungguh untuk melakukannya dan bukan berniat kepada kejahatan.

Suatu niat dalam percakapan, memerlukan percakapan yang benar dengan hakikat yang benar, kecuali dalam perkara yang diizinkan oleh syara'. Sebagai contoh dalam peperangan, sekiranya kita ditanya oleh pihak musuh mengenai keberadaan seseorang itu sama ada dia ada ataupun tiada, jawapan yang perlu dijawab ialah "tiada" bagi mengelakkan orang itu daripada musuh dan menyelamatkan dirinya daripada dizalimi.

Jika kita menjawab perkara yang sebenar walaupun mengetahui dirinya akan terancam, perbuatan tersebut merupakan suatu tindakan yang salah. Disebabkan percakapan kita itu boleh terjadinya pembunuhan, maka kita akan menerima dosa besar.

Sesuatu kebenaran biarlah sesuai pada tempatnya. Sebagai orang Islam, benar pada perbuatan perlu mengikuti ajaran Islam. Firman Allah SWT:



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّٰدِقِينَ ﴿١١٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kalian kepada Allah dan hendaklah kalian berada bersama-sama orang-orang yang benar."

Surah al-Tawbah: 119

Ayat ini mengenai seruan kepada orang beriman supaya bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengikuti segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, agar menjadi sifat yang sehati dalam diri kita serta berjaga-jaga dalam kehidupan, sama ada dalam percakapan, perbuatan, makan dan minum, mahupun pekerjaan. Duit yang diperoleh perlulah dibelanjakan dengan berhati-hati kerana takut akan termasuk dalam larangan Allah SWT.

Terdapat satu kisah berkaitan 'Umar bin al-Khattab RA yang bertanya kepada Ubai bin Ka'ab RA tentang taqwa.

فَقَالَ لَهُ: أَمَا سَلَكَتَ طَرِيقًا ذَا شَوْكٍ؟

Ubai lalu bertanya kembali kepada Saidina 'Umar: "Pernahkah Amir al-Mu'minin berjalan di jalan yang banyak duri?"

قَالَ: بَلَىٰ.

Saidina 'Umar menjawab: "Ya."

قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ؟

Kemudian, Ubai bertanya: "Bagaimanakah cara kamu melalui jalan yang banyak duri?"

قَالَ: سَمَّرْتُ وَأَجْتَهَدْتُ.

Saidina 'Umar menjawab: "Aku berjalan secara cermat dan berhati-hati supaya tidak terpijak duri."

قَالَ: فَذَلِكَ التَّقْوَى.

Ubai lalu berkata: "Itulah yang dimaksudkan dengan taqwa (berhati-hati dalam kehidupan)."

Ibn Kathir, Tafsir al-Qur'an al-'Azim, jld. 1, ms. 75

Seterusnya, berkaitan dengan maksud ayat di atas, orang-orang yang benar ialah kalangan yang benar di atas keyakinan dan kepercayaan yang betul. Kita harus menjauhi orang yang bercakap bohong, sebagai contoh mereka yang berbohong demi mendapat wang walaupun dengan cara yang zalim. Maka, perbuatan ini dapat merosakkan diri seseorang.

Ayat itu juga menunjukkan bahawa Allah SWT menyeru supaya kita sentiasa bersama dengan orang-orang yang benar, walaupun sedang menghadapi kesusahan. Bahkan, jika kita bercakap benar sudah tentu akan terselamat di dunia dan akhirat kelak. Seterusnya Allah SWT berfirman:

وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ... ﴿٣٥﴾

"Dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar..."

Surah al-Ahzab: 35



Dalam ayat ini bermaksud tiada beza antara lelaki dengan perempuan mengenai sifat benar. Sifat benar ini merupakan sifat orang yang beriman, sehinggakan Allah SWT menyebut kedua-dua lelaki dan perempuan. Walaupun seruan itu menyebut orang-orang yang beriman dengan tidak disebut akan lelaki ataupun perempuan, semuanya dituntut supaya melazimkan sifat benar.

Firman Allah SWT lagi:

﴿۲۱﴾ فَلَوْ صَدَقُوا اللَّهَ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ

"Maka, seandainya mereka bersifat jujur kepada Allah (dengan mematuhi perintah-Nya), tentulah yang demikian itu amat baik bagi mereka."

Surah Muhammad: 21

Berdasarkan maksud ayat di atas, bersifat jujur kepada Allah SWT ialah membenarkan ajaran-Nya. Sebagai contoh, orang yang membenarkan ajaran Allah SWT ialah Abu Bakar al-Siddiq RA. Allah SWT telah menyebut contoh yang benar dalam al-Quran.

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا
وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ
الصَّادِقُونَ ﴿۱۵﴾

"Sesungguhnya, orang-orang yang sebenarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian



PESAN-PESAN IMAN

mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka di jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)."

Surah al-Hujurat: 15



BENAR MEMBAWA KE SYURGA

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدْقًا. وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا».

Daripada Ibn Mas'ud RA, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: "Sesungguhnya, benar itu menunjuk ke arah kebajikan, dan sesungguhnya, kebajikan itu menunjuk ke arah syurga. Dan sesungguhnya, seseorang itu berlaku benar sehingga ditulis di sisi Allah SWT sebagai seorang yang bersifat benar. Sesungguhnya, bohong itu menunjuk ke arah kejahatan, dan sesungguhnya, kejahatan itu menunjuk ke arah neraka. Dan sesungguhnya, seseorang itu berlaku bohong sehingga ditulis di sisi Allah SWT sebagai seorang pembohong."

Riwayat al-Bukhari, no. 6094 dan Muslim, no. 2607



INTI SARI HADIS

Hadis ini telah menyatakan bahawa seseorang yang melazimkan dirinya dengan sifat benar, maka Allah SWT akan memberikan hidayah kepada perkara-perkara yang baik. Bagi memperoleh petunjuk ini bukanlah suatu

perkara yang mudah dan kita perlu sentiasa memintanya kepada Allah SWT.

Pada setiap kali rakaat dalam solat, kita perlu meminta kepada Allah SWT supaya diberikan petunjuk, berdasarkan firman-Nya:

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

"Tunjukilah kami jalan yang lurus."

Surah al-Fatihah: 6

Kita meminta hidayah daripada Allah SWT setelah memuji-Nya dengan nama-nama-Nya yang paling baik dan setelah kita merayu kepada-Nya dalam ayat sebelumnya. Justeru, pada setiap rakaat solat, kita hendaklah memohon kepada Allah SWT supaya kita sentiasa diberikan petunjuk ke jalan yang betul.

Kita melihat sendiri bagaimana keadaan yang dihadapi oleh kalangan orang alim dalam kalangan Ahli Kitab yang telah melihat bukti-bukti dan sifat-sifat Nabi Muhammad SAW. Namun, mereka tetap masih belum diberikan hidayah lalu menjadi kafir dan dimasukkan ke dalam neraka.

Iblis yang dilaknat oleh Allah SWT ialah makhluk yang dibawa oleh malaikat ke langit, yang berada di alam roh, melihat syurga dan neraka, serta boleh bercakap dengan Allah SWT, tetapi Iblis tidak layak mendapat hidayah Allah SWT. Perkara ini berlaku kerana Iblis mempunyai sifat sombong, merasakan dirinya suci dan mulia, serta melupakan Allah SWT. Maka, Iblis yang begitu dekat bersama Allah SWT telah menjadi kafir dan tidak diberikan hidayah.



Tambahan pula, ada orang yang bersama-sama Nabi Muhammad SAW seperti keluarga nabi iaitu Abu Lahab yang melihat sendiri secara langsung kehidupan Nabi Muhammad SAW sejak kecil sehingga diangkat menjadi rasul. Akan tetapi, Abu Lahab tidak layak mendapat hidayah daripada Allah SWT.

Sebaliknya, terdapat orang yang tinggal dengan jarak yang jauh, tidak mempunyai pendidikan yang tinggi, malah ada yang buta huruf, tetapi dengan keikhlasan dalam mencari kebenaran di samping merendah diri, maka Allah SWT memberikan hidayah kepadanya agar terus menjadi orang yang baik. Dapat dilihat di sini, betapa pentingnya dan betapa perlunya kita kepada hidayah Allah SWT.

Antara jalan untuk memperoleh hidayah daripada Allah SWT ialah membiasakan diri dengan perkara yang benar. Ia meliputi aspek perkataan yang membenarkan sesuatu pada niat, membenarkan pada percakapan, dan membenarkan pada amalan yang dapat memberikan petunjuk kepada perkara kebaikan. Bukan sahaja menjadi orang Islam tetapi menjadi orang Islam yang baik serta mengamalkan ajaran yang baik.

Biarlah sesuatu kebajikan itu menunjuki seseorang manusia itu ke arah jalan-jalan syurga serta memasuki syurga pada Hari Kiamat kelak. Bahkan, mereka yang melazimkan pada perkara yang benar akan ditulis di sisi Allah SWT sebagai seorang yang sangat benar.

Sebaliknya, bagi mereka yang berbohong ke arah kejahatan dan berbohong pada percakapannya, akan menyebabkan ia ke arah kejahatan, yakni kejahatan ke neraka, maka ditulis di sisi Allah SWT sebagai seorang pembohong. Kebenaran akan membawa keberkatan, manakala pembohongan pula membawa ke neraka.

Oleh itu, Nabi Muhammad SAW menyuruh kita agar melazimkan diri kita dengan bersifat benar, sebagaimana dalam hadis nabi lain berbunyi:



قُلِ الْحَقُّ وَإِنْ كَانَ مُرًّا.

"Berkatalah benar, sekalipun ia pahit."

Ibn Hibban, Sahih Ibn Hibban, no. 807

Seterusnya, diriwayatkan dalam satu kisah bahawa sesuatu yang benar itu pasti akan membawa berkat. Sebuah kisah mengenai Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH, seorang alim dalam ilmu tasawuf.

Namun, terdapat sesetengah mereka yang mengatakan bahawa Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH mempelajari ilmu hakikat, tarekat, dan lain-lain lagi kerana mahu melihat perkara-perkara yang ghaib. Bahkan, Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH dikatakan mencari kelebihan ilmu-ilmu sedemikian dan boleh menyebabkan kecelakaan serta merosakkan dirinya.

Sebetulnya, Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH bukanlah seperti yang diperkatakan oleh orang kebanyakan. Akan tetapi, beliau ialah seorang yang soleh, memperoleh ilmu yang berkat, dan mengenali Allah SWT dengan cara yang benar.

Terdapat riwayat yang mengatakan ketika Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH sedang beribadat kepada Allah SWT, tiba-tiba terdengarlah beliau akan suara ghaib yang mengatakan ibadat yang dilakukan oleh beliau sudah mencukupi. Beliau lalu melempar selipar ke arah suara tersebut. Apabila ditanya akan suara tersebut dan tingkah lakunya yang begitu, Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH lantas menjawab bahawa suara itu merupakan suara Iblis.

Malah, terdapat sebuah kisah, ketika Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH hendak belajar di tempat yang jauh dari kampungnya, ibu beliau telah memberikan pesan supaya sering bercakap benar di mana sahaja beliau berada. Pada masa yang sama, jangan bergurau dan perlu bercakap benar.



Duit yang dibekalkan kepada Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH telah dijahit dalam baju beliau oleh ibunya, kerana pada zaman dahulu, jika hendak berjalan jauh perlu melakukan sebegitu supaya duit tersebut tidak hilang. Kemudian, ia dilipat pula bersama pakaian yang dibawa olehnya, lalu Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH bersama-sama mengikuti kabilah yang turut bermusafir ke tempat beliau menuntut ilmu.

Di pertengahan jalan, mereka telah ditahan oleh sekumpulan perompak, lalu perompak-perompak itu mula mencari dan menyeluk mereka yang mempunyai wang. Setelah tiba giliran Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH, beliau memberitahu sambil menunjuk bahawa duitnya berada dalam lipatan kain hasil jahitan ibunya.

Perompak-perompak yang melihat keadaan itu merasa hairan kerana tingkah laku Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH tidak sama seperti yang lain. Lalu mereka bertanya kenapa beliau berbuat sedemikian. Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH pun menjawab bahawa ibunya telah berpesan supaya tidak berbohong dan bercakap benar.

Keikhlasan dan kewarakan ibu Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani RH serta ketulusan beliau mendengar nasihat ibunya, menyebabkan ketua perompak itu bertaubat. Kemudian, ketua perompak itu mengarahkan para pengikutnya supaya berhenti merompak. Terjadinya perkara ini disebabkan oleh percakapan yang benar dan menjauhi perkara yang bohong.

Oleh itu, dapat dilihat di sini akan kehebatan orang zaman dahulu jika dibandingkan orang pada masa kini. Mereka mempunyai pengikut yang ramai walaupun pengucapannya pendek dan tidak terlalu panjang. Perkara ini terjadi disebabkan kebenaran dan keikhlasan mereka mengatasi kebenaran dan keikhlasan yang dibawa pada zaman sekarang.

Kini, terlalu banyak kebohongan yang berlaku, contohnya siaran di televisyen dan penulisan dalam akhbar, lalu perkara yang disebarikan itu masuk ke dalam hati dan menjadikan sesuatu barang yang terhasil daripada penipuan untuk dimakan. Apabila kita melihat akan perkara ini, bagaimana untuk memperoleh keberkatan, jika keberkatan telah tiada kerana hilangnya sifat benar dalam kehidupan manusia.

Demikianlah pengertian benar, dan Nabi Muhammad SAW menasihati kita supaya sentiasa melazimkan diri dengan kebenaran kerana ia mampu membawa kebaikan di dunia dan kebaikan sehingga akhirat. Manakala kebohongan membawa kejahatan di dunia dan kejahatan sehingga Hari Akhirat.

PENGAJARAN HADIS

- 1.** Anjuran bersifat benar dan jujur sebagai syarat menuju segala kebaikan.
- 2.** Larangan bersifat dusta dan anjuran agar tidak meremehkannya, kerana kedustaan merupakan alat menuju segala kejahatan.
- 3.** Sesiapa yang melazimkan diri dengan kejujuran, maka sikap itu akan menjadi keperibadiannya. Adapun sesiapa yang membiasakan diri dengan kedustaan, maka perbuatan itu akan turut menjadi perwatakannya.
- 4.** Akhlak mulia diperoleh dengan membiasakan diri, yakni dengan menerapkannya dalam kehidupan seharian. Jiwa manusia mudah terpengaruh oleh sebab-sebab yang dapat mengirimbanya kepada kebaikan sehingga tabiatnya berubah, dan begitulah sebaliknya.
- 5.** Perbuatan baik iaitu amal soleh, tempat kembalinya ialah syurga, sedangkan perbuatan buruk, tempat abadinya ialah neraka.

BENAR ADALAH TENANG

عَنْ أَبِي مُحَمَّدٍ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا،
قَالَ: حَفِظْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "دَعْ مَا
يُرِيكَ إِلَى مَا لَا يُرِيكَ؛ فَإِنَّ الصِّدْقَ طُمَأْنِينَةٌ، وَالكَذِبُ رَيْبَةٌ".

Daripada Abu Muhammad al-Hasan bin 'Ali bin Abi Talib RA, beliau berkata: Aku menghafal daripada Rasulullah SAW akan sabdanya, "Tinggalkanlah apa yang meragukanmu kepada apa yang tidak meragukanmu. Sesungguhnya, kebenaran adalah ketenangan, sedangkan kedustaan adalah keraguan."


Riwayat al-Tirmizi, no. 2518



PERAWI HADIS

Saidina Hasan dan Saidina Husain kedua-duanya merupakan cucunda Rasulullah SAW dan anak kepada Fatimah al-Zahra' RA yang dikasihi oleh Baginda. Telah diriwayatkan bahawa ketika Nabi Muhammad SAW sedang menyampaikan khutbah, Baginda sendiri turun dari mimbar dan mengambil cucunya untuk didukung.

Setelah itu, Nabi Muhammad SAW naik semula ke mimbar untuk menyambung semula khutbahnya. Namun, jika terjadi perkara sebegini pada zaman sekarang, mungkin orang akan mengatakan perbuatan itu salah dan membatalkan khutbah tersebut.



شرح حديث رياض الصالحين

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

SINOPSIS

Buku ini merupakan siri keempat '*Al-Bayanul Mubin Syarah Riyadus Solihin*' yang menghuraikan hadis-hadis daripada 'Bab Benar, Muraqabah, dan Taqwa'. Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menyampaikan pengajian tersebut dalam Kuliah Dhuha yang diadakan pada setiap pagi Jumaat di Masjid Rusila, Marang. Pemilihan kitab hadis ini adalah disebabkan kewibawaan ilmu al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi RH yang diterima oleh pelbagai mazhab aqidah, fiqh, mahupun tasawuf.

Melalui karya kali ini, penulis mengemukakan '*al-hadyu al-nabawi*' (petunjuk Nabawi) untuk membangkitkan cahaya iman dan menumbuhkan akhlak mulia dalam diri setiap insan. Teras kehidupan seorang Mukmin terletak pada nilai dan mutu keimanan seseorang. Mudah-mudahan, hasil susunan buku ini akan menambah kecintaan terhadap Rasulullah SAW, sekali gus menghiasi jiwa dengan sifat-sifat mulia bagi menyuburkan iman dalam hati.

SEM. MALAYSIA: RM 14
SABAH SARAWAK: RM 16

ISBN 978-967-2739-25-8



9 789672 739258

